

Cabaran Melayu diyakini mampu catat kejayaan

KUALA LUMPUR 21 Jun — Ahli Majlis Tertinggi UMNO (MT), Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yakin orang Melayu mampu mencatat kejayaan kerana mereka adalah bangsa yang pantang dicabar.

Cabaran itu, katanya, termasuklah ditarik keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati selama ini.

Beliau berkata, walaupun ia ditarik, tidak bermakna orang Melayu akan menjadi lemah kerana sebelum ini telah banyak kejayaan yang telah dicapai

walaupun dalam serba kekurangan.

Sehubungan itu, beliau mahu orang Melayu menganggapnya sebagai satu cabaran yang mesti dipenuhi bagi membuktikan kemampuan sebenar mereka.

“Orang Melayu memang pantang dicabar. Mereka boleh melakukan apa sahaja walau sesukar mana sekalipun dan ini telah dibuktikan,” katanya ketika meninjau bilik operasi Utusan Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang banyak menyentuh soal kelemahan orang Melayu walaupun telah lama menikmati pelbagai bentuk keistimewaan.

Menurut Syed Razak, walaupun ucapan Dr. Mahathir itu banyak menyentuh soal kegagalan orang Melayu namun hakikatnya banyak kejayaan yang telah dicapai oleh kaum itu hasil kemahuan yang tinggi atau setelah dicabar.

Antaranya kejayaan Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia melalui jalan laut berseorangan, meningkatnya bilangan tokoh-tokoh korporat Melayu dan syarikat Melayu yang tersenarai dalam bursa saham dan pengurusan dana.

“Dalam pada itu syarikat-syarikat multinasional negara yang berjaya seperti Petronas, MISC dan TNB juga telah diuruskan oleh Melayu.

“Malah dulupun banyak yang beranggapan orang Melayu tidak mampu men-

jadi Menteri Kewangan setelah Tun Tan Siew Sin, tetapi kini orang Melayu dapat membuktikan tanggungjawab itu dapat dipenuhi dengan cemerlang,” ujarnya.

Katanya, ucapan Perdana Menteri itu bolehlah dianggap sebagai *wake-up call* (jam loceng) kepada orang Melayu setelah beliau menyedari bahawa mereka telah lama leka dan banyak mengalami kegagalan.